



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

REFORMASI TADBIR URUS KUALA LUMPUR : AHLI PARLIMEN DIBERIKAN PERANAN TERAS

19 JANUARI 2026

Hari ini, saya telah mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Menteri Wilayah Persekutuan bersama Ahli-ahli Parlimen Kuala Lumpur. Turut hadir Timbalan Menteri, YB Datuk Lo Su Fui, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud. Forum ini akan bersidang sebanyak empat kali setahun sebagai platform tadbir urus bersama bagi membincangkan dan meneliti dasar utama di Kuala Lumpur. Beberapa perkara utama telah dibincangkan dalam mesyuarat hari ini:

1. Belanjawan DBKL bagi tahun 2026 dan penubuhan lima (5) Jawatankuasa Pemantauan bagi menyelia bidang-bidang utama perbelanjaan belanjawan. Ahli-ahli Parlimen akan memainkan peranan aktif dalam memantau pelaksanaan bagi memastikan peruntukan yang diluluskan berjaya dilaksanakan mengikut perancangan. Ini bagi memastikan rakyat dapat menikmati kemudahan infrastruktur yang sebaik mungkin dan setimpal dengan cukai taksiran yang mereka bayar kepada DBKL. Lima jawatankuasa tersebut ialah:

- (i) Jawatankuasa Pemantauan Lestari Niaga yang akan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Batu, YB Prabakaran a/l M Parameswaran;
- (ii) Jawatankuasa Pemantauan Perumahan Awam / Perumahan Projek Rakyat dan Kesejahteraan Komuniti yang akan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail;
- (iii) Jawatankuasa Pemantauan Mitigasi Banjir, Penyelenggaraan Jalan Raya, Pengurusan dan Penyelenggaraan Cerun yang akan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Wangsa Maju, YB Ir. Ts. Zahir bin Hassan;
- (iv) Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Sistem dan Lalu Lintas yang akan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Kepong, YB Lim Lip Eng;
- (v) Jawatankuasa Pemantauan Kebersihan, Bandar Hijau dan Lestari yang akan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Seputeh, YB Teresa Kok Suh Sim.

2. Rang Undang-Undang Persendirian Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 (Private Member's Bill) yang telah diusulkan oleh Ahli-ahli Parlimen Kuala Lumpur pada November 2025 bagi meminda Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.

3. Selain itu, saya turut mengumumkan dua langkah segera bagi memperkukuhkan akauntabiliti dan ketelusan dalam urusan perancangan bandar:

- (i) Semua projek pembangunan berskala besar kini diwajibkan untuk mengambil pandangan Ahli Parlimen kawasan dan dibentangkan dalam mesyuarat Pusat Setempat (One-Stop Centre, OSC) untuk pertimbangan OSC; dan
- (ii) Ahli-ahli Parlimen akan diberikan akses kepada Portal OSC bagi membolehkan mereka dimaklumkan lebih awal mengenai permohonan pembangunan di kawasan Parlimen masing-masing sebelum kelulusan diberikan. Sebelum ini, Ahli-ahli Parlimen hanya dimaklumkan selepas keputusan dibuat.

Amalan pembangunan di Kuala Lumpur berlaku tanpa pengetahuan atau penglibatan Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat bandar ini harus dihentikan.

Ahli Parlimen dipilih untuk mewakili komuniti mereka dan mesti memainkan peranan yang bermakna dalam setiap keputusan yang membentuk kawasan Parlimen serta kehidupan seharian rakyat.

Tadbir urus bandar tidak boleh dilaksanakan secara tertutup atau berasingan. Ahli-ahli Parlimen Kuala Lumpur dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka dan menjadi suara mereka. Kerajaan MADANI komited untuk mentadbir secara bersama demi membina sebuah bandar raya yang telus, berakauntabiliti dan berpaksikan kepentingan rakyat.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)